Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2004 semakin memberangsangkan dengan sokongan daripada persekitaran ekonomi global yang lebih optimistik serta keadaan ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh. Pemulihan ekonomi dunia yang semakin kukuh, kini disokong oleh pengembangan ekonomi yang lebih seimbang di negara-negara perindustrian utama serta pertumbuhan yang mantap di rantau Asia. Sementara dasar ekonomi dan kewangan penting bagi merangsang prestasi pertumbuhan keseluruhan yang lebih baik, peranan sektor swasta yang semakin ketara dalam menerajui pertumbuhan telah meningkatkan prospek bagi mengekalkan trend yang positif ini.

Permintaan dalam negeri yang kukuh khususnya di rantau Asia, mencerminkan peranan sektor swasta yang bertambah penting bagi memacu pertumbuhan. Pertumbuhan permintaan yang lebih kukuh di rantau ini menyebabkan pasaran barangan dan perkhidmatan dari rantau Asia berkembang dengan pesat. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam integrasi serantau bukan sahaja berlaku hasil daripada pertumbuhan perdagangan intrarantau bahkan ia juga dalam bentuk aliran kewangan berikutan pelaburan intra-Asia yang semakin penting. Apabila trend ini menjadi lebih nyata, ia bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan integrasi serantau malah mengukuhkan lagi momentum pertumbuhan di rantau ini. Di samping itu, permintaan yang lebih tinggi dari negara Asia terus menyokong pemulihan ekonomi global. Trend ini akan menyumbang kepada pengurangan dalam ketidakseimbangan luaran ekonomi global serta meningkatkan prospek pertumbuhan global yang lebih seimbang.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2003 mendapat manfaat daripada permintaan luar negeri yang lebih memberangsangkan serta peningkatan aktiviti sektor swasta dalam negeri. Prestasi ekonomi melebihi jangkaan dengan pertumbuhan sebanyak 5.2% pada tahun 2003. Momentum pertumbuhan diramal bertambah kukuh antara 6-6.5% pada tahun 2004, dengan sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan. Aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta dijangka bertambah kukuh, didorong oleh keadaan ekonomi dan guna tenaga serta kedudukan kewangan korporat dan sektor kewangan yang lebih mantap. Pertumbuhan dalam hampir kesemua sektor ekonomi dijangka lebih kukuh dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan yang utama. Sementara peranan Kerajaan dalam ekonomi kekal penting, fokus dasar kini beralih pada penyediaan persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan, termasuk mempertingkatkan sistem serahan perkhidmatan Kerajaan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan penyediaan suasana makroekonomi yang stabil dan mantap.

Asas ekonomi dan kewangan terus kukuh pada awal tahun 2004, justeru memberikan fleksibiliti kepada dasar monetari untuk terus menyokong aktiviti sektor swasta. Ini dicerminkan oleh tekanan inflasi yang hampir tiada langsung dalam pasaran pengguna dan aset, dan kapasiti berlebihan dalam sistem ekonomi, yang diperlihatkan daripada perbezaan antara keluaran benar dan keluaran potensi. Kestabilan harga juga diperkukuhkan oleh

peningkatan produktiviti dan pengembangan kapasiti yang berterusan. Di samping itu, akses pada kos yang lebih rendah bagi barangan dan perkhidmatan, meningkat berikutan proses globalisasi yang kian pesat. Tambahan pula, apabila prestasi sektor korporat meningkat dalam suasana yang lebih kompetitif, kos yang lebih tinggi tidak semestinya mengakibatkan harga yang lebih tinggi. Dasar fiskal Kerajaan yang berhemat adalah faktor pendorong kepada kestabilan harga. Dalam suasana sedemikian, kadar faedah yang rendah boleh dikekalkan untuk masa hadapan.

Di samping sistem perbankan yang bertambah kukuh dan kemajuan pesat yang dicapai dalam pembangunan infrastruktur kewangan, keadaan yang stabil ini, merupakan masa yang sesuai untuk beralih kepada rangka kerja kadar faedah yang baru. Rangka kerja ini bertujuan meningkatkan kecekapan dalam operasi pasaran kewangan. Ia seterusnya membantu penentuan harga yang lebih berkesan dalam sistem kewangan serta meningkatkan keberkesanan mekanisme penghantaran monetari. Oleh itu, kesempatan yang ada ini akan diambil, ketika dasar kadar faedah semasa tidak berubah. Ini memberi peluang kepada pasaran untuk menyesuaikan prosedur pengurusan monetari baru bagi mencapai matlamat yang diharapkan, iaitu pasaran kewangan yang berfungsi dengan lebih cekap dan meningkatkan keberkesanan dasar monetari.

Mudah tunai terus mencukupi dalam suasana keseimbangan luaran yang kukuh, aliran masuk pelaburan asing yang stabil dan peningkatan aliran masuk portfolio. Namun begitu, operasi sterilisasi dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan untuk memastikan mudah tunai yang cukup bagi menyokong pembiayaan pertumbuhan yang diterajui sektor swasta. Sementara itu, operasi sterilisasi juga memastikan tidak timbul sebarang risiko kepada sistem kewangan dan ekonomi. Dalam proses ini, yang penting adalah instrumen dan kapasiti yang dimiliki Bank Negara Malaysia untuk menyerap mudah tunai. Pada asasnya, operasi ini melibatkan kos yang dibiayai oleh pulangan pelaburan daripada aliran masuk yang meningkat. Bank Negara Malaysia akan menanggung kos dasar monetari dalam jangka terdekat bagi memastikan kestabilan dan kemapanan prospek jangka sederhana dan panjang. Pada masa ini, kedudukan bersih kekal positif. Dalam pengurusan rizab, portfolio rizab yang cukup pelbagai dikekalkan. Pertimbangan penting yang diambil kira adalah pengekalan modal dan mudah tunai sementara pulangan dioptimumkan. Ini memastikan kedudukan kewangan yang kukuh bagi Bank Negara Malaysia.

Bagi kadar pertukaran mata wang, objektif dasar Bank Negara Malaysia adalah tidak berubah, iaitu untuk mencapai kadar pertukaran yang stabil terutamanya dengan rakan dagangan. Memandangkan perdagangan Malaysia dengan rantau ini semakin pesat, kestabilan kadar pertukaran dengan rakan dagangan serantau menjadi semakin penting. Sejak penetapan kadar pertukaran diperkenalkan hampir enam tahun lalu, Bank Negara Malaysia menegaskan bahawa mekanisme kadar pertukaran yang efektif adalah perlu bagi memudahkan pelaburan dan perdagangan antarabangsa dengan berkesan. Walaupun sistem yang ada mempunyai

kos dan faedah, faedahnya jauh melebihi apa jua kos. Pertimbangan untuk sistem alternatif hanya perlu dibuat sekiranya asas ekonomi dijangka tidak sejajar atau berlaku perubahan struktur atau jika peraturan serantau yang baru dapat diwujudkan.

Pergerakan yang ekstrem dan ketidaktentuan yang ketara dalam kadar pertukaran sentiasa diberi perhatian, tidak terkecuali dalam ekonomi utama. Kesan pergerakan kadar pertukaran yang sedemikian adalah lebih jelas dan meluas bagi ekonomi pasaran yang sedang muncul. Desakan dan tekanan ke atas ekonomi Asia baru-baru ini untuk mengguna pakai rejim pertukaran asing yang lebih fleksibel adalah berasaskan pada pendapat bahawa pelarasan pertukaran asing berupaya membetulkan ketidakseimbangan struktur ekonomi global. Perlu diakui bahawa kelebihan berbanding yang dimiliki oleh Asia bukan berpunca daripada kadar pertukaran tetapi daripada faktor lain yang menyebabkan kos yang lebih rendah. Oleh itu, pelarasan kadar pertukaran tidak mungkin dapat membetulkan ketidakseimbangan tersebut. Di samping itu, keupayaan naik nilai kadar pertukaran untuk menangani sebarang tanda-tanda ekonomi yang terlalu pesat perlu mengambil kira pelbagai ciri tekanan harga. Dalam situasi tekanan di peringkat sektor atau setempat, langkah-langkah lain termasuk langkah berhemat mungkin lebih efektif dalam menangani perkembangan ini. Kadar pertukaran tidak boleh digunakan sekiranya ia tidak berupaya menghasilkan kesan yang dikehendaki.

Dalam usaha memperkukuhkan daya saing Malaysia, strategi yang lebih komprehensif telah diguna pakai dengan mengambil kira semua aspek yang akan meningkatkan daya saing. Ini termasuk strategi bagi meningkatkan kualiti pekerja dan produktiviti, inovasi, perusahaan dan sistem serahan perkhidmatan awam yang dilaksanakan bukan sahaja dalam sektor perkilangan malahan dalam kesemua sektor ekonomi. Pada dasarnya, strategi ini adalah untuk menilai kos secara lebih komprehensif. Strategi ini juga adalah untuk mencapai keseluruhan kos daya saing yang lebih baik, memanfaatkan risiko negara yang rendah, termasuk kestabilan ekonomi, sosial dan politik, rangka kerja perlindungan harta intelek yang boleh dipercayai dan kematangan perindustrian. Melangkah ke hadapan, usaha ditumpukan pada pembangunan rangkaian bekalan yang diperkuatkan oleh industri sokongan tempatan dan juga untuk menjadikannya lebih berasaskan pengetahuan dengan mempunyai kemahiran dan kecekapan yang perlu.

Bahagian strategi yang penting ini adalah membangunkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mampu memberi sumbangan yang besar dalam ekonomi. Dua tahun lalu, Bank Negara Malaysia mencadangkan rangka kerja yang komprehensif untuk pembangunan PKS, dengan menyediakan persekitaran yang kondusif serta mengukuhkan infrastruktur pembangunan PKS. Kemajuan yang dicapai setakat ini akan dipertimbangkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. Majlis yang dibentuk oleh Kerajaan ini berfungsi sebagai badan penggubal dasar utama yang akan menentukan hala tuju dan strategi pembangunan PKS serta memastikan dasar yang selaras dan menyeluruh.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempertingkatkan keseluruhan kos daya saing, mengurangkan risiko yang dihadapi negara serta mengekalkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelabur tempatan dan asing untuk menjalankan perniagaan, Bank Negara Malaysia meliberalisasikan peraturan dan perundangan secara beransur-ansur bagi membaiki sistem serahan dan mengurangkan kos perundangan bagi sektor perniagaan. Dengan penggunaan teknologi untuk meningkatkan sistem pengawasan aliran modal, keupayaan memantau risiko berkaitan dengan aliran modal telah berjaya dipertingkatkan. Oleh itu, ia membolehkan deregulasi dan liberalisasi yang berterusan ke atas peraturan pertukaran asing. Di samping liberalisasi yang dibuat pada awal tahun 2003, liberalisasi peraturan pertukaran asing yang seterusnya akan dikuatkuasakan pada 1 April 2004 bagi meningkatkan kecekapan sistem serahan serta mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan.

Dalam pembangunan sistem kewangan, kemajuan yang ketara telah dicapai pada tiga tahun pertama Pelan Induk Sektor Kewangan. Usaha membentuk struktur kewangan yang lebih pelbagai yang dilengkapkan oleh pembangunan institusi kewangan yang lebih kukuh kini memberi kesan yang positif. Sementara sektor perbankan masih merupakan penggerak dan pembiaya kewangan yang utama, infrastruktur kewangan yang lebih pelbagai telah meningkatkan potensi bagi saluran baru dan alternatif untuk menggembleng tabungan di samping menambah sumber pembiayaan alternatif. Pembiayaan oleh pasaran modal, khususnya pasaran bon swasta, institusi kewangan khusus dan sektor insurans, kini menjadi semakin penting. Perkhidmatan kewangan yang diberikan kepada perusahaan mikro adalah semakin kukuh, sementara modal usaha niaga sebagai satu sumber pembiayaan alternatif turut meningkatkan sokongan kepada sumber pertumbuhan baru yang lebih berintensifkan teknologi dan pengetahuan.

Kemajuan yang nyata telah dicapai dalam pembangunan institusi dan pembinaan kapasiti. Tahap permodalan, keupayaan memberikan pinjaman kepada aktiviti yang lebih pelbagai, tahap kecekapan operasi, skop perniagaan yang lebih luas, tahap inovasi, standard kualiti perkhidmatan dan keupayaan mengurus risiko telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Khususnya, ini dicerminkan oleh kos operasi yang lebih rendah, margin yang mengecil, rangkaian produk dan perkhidmatan baru yang lebih pelbagai. Kemajuan ini ditunjukkan oleh keupayaan institusi tempatan mengekalkan bahagian pasaran dalam suasana persaingan yang semakin sengit dan margin yang semakin mengecil.

Di samping itu, infrastruktur sokongan juga dimantapkan bagi memperkukuhkan trend ini. Infrastruktur ini termasuk program pendidikan pengguna, pengukuhan Credit Guarantee Corporation, penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) untuk melahirkan pemimpin bertaraf antarabangsa dalam sektor perkhidmatan kewangan serta Biro Pengantaraan Kewangan baru yang akan ditubuhkan pada tahun ini. Usaha juga sedang dilaksanakan untuk membangunkan skim insurans deposit yang akan menambah satu lagi lapisan kepada rangka kerja perlindungan pengguna yang merupakan pembentukan tahap

seterusnya dalam infrastruktur kewangan. Paling ketara, ia dirangka dengan mengambil kira struktur dan keadaan sistem kewangan dan ekonomi. Sistem insurans deposit juga mempunyai mandat yang lebih luas yang menyepadukan proses dan struktur penstrukturan semula kewangan dalam operasinya. Sistem ini juga merupakan sistem pertama yang menyediakan perlindungan deposit Islam selaras dengan prinsip Shariah. Usaha pembangunan dilengkapi dengan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan bagi memastikan kekukuhan dan daya tahan sistem kewangan.

Akses pembiayaan kepada aktiviti yang lebih pelbagai, khususnya bagi PKS terus meningkat. Pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan 10% pada tahun 2003. Pembiayaan kepada sektor ini dijangka terus memberangsangkan pada tahun 2004. Langkah-langkah lain yang menyokong usaha ini termasuk penubuhan Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil, yang disokong oleh Unit Khas PKS di Bank Negara Malaysia serta peruntukan berterusan daripada dana khas Bank Negara berjumlah RM5.6 bilion pada masa ini. Langkah-langkah baru juga sedang diusahakan bagi meningkatkan akses pembiayaan pasaran modal kepada PKS.

Sementara sektor kewangan berubah bagi memenuhi keperluan pengguna yang semakin sofistikated, perhatian diberikan untuk memastikan kemudahan asas perbankan disediakan dengan meluas dan kemudahan ini ditawarkan pada kos yang minimum untuk kesemua lapisan masyarakat. Di samping itu, dengan peningkatan kesedaran pengguna perbankan terhadap produk dan kemudahan perbankan, mereka akan menggunakan hak dan keupayaan memilih produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi yang berlainan. Gabungan antara kesedaran pengguna dengan keperluan ketelusan akan memastikan penentuan harga yang berpatutan dengan produk dan perkhidmatan perbankan. Proses persaingan juga dijangka menghasilkan penentuan harga produk dan perkhidmatan yang lebih berdaya saing serta menggalakkan peningkatan dalam inovasi.

Industri insurans terus memainkan peranan penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan sebagai penggerak dana jangka panjang dan juga mekanisme pemindah risiko. Salah satu daripada aspek penting dalam pembangunan industri insurans adalah peranan insurans yang semakin penting dari segi sosioekonomi bagi memenuhi permintaan pembiayaan sokongan penjagaan kesihatan. Ini direalisasikan melalui peningkatan penawaran produk insurans kesihatan dan perubatan. Sebagai pelabur institusi utama, penanggung insurans memainkan peranan yang semakin penting dalam pembangunan pasaran modal. Aset dana insurans meningkat dengan ketara pada tahun 2003 untuk mencakupi bahagian yang terbesar daripada jumlah aset dana industri. Pada tahun ini, rangka kerja yang mengurus tadbir amalan pasaran insurans termasuk amalan pengurusan tuntutan, standard pendedahan produk dan mekanisme resolusi pertikaian telah diperkukuhkan bagi memastikan perlindungan pengguna yang lebih luas. Program pendidikan pengguna yang komprehensif juga dilancarkan untuk mempromosi peranan aktivisme pengguna yang lebih besar dalam perniagaan dan amalan insurans serta memastikan harga yang kompetitif kepada pengguna.

Sistem kewangan Islam yang menyeluruh di Malaysia dari segi jumlah peserta kewangan Islam serta spektrum yang luas dalam inovasi produk kewangan Islam telah meningkatkan sistem kewangan Islam sebagai pengantara kewangan dan penyumbang pertumbuhan ekonomi. Kemajuan yang berterusan dalam perkembangan dan pengembangan kewangan Islam telah dicapai pada tahun 2003. Inisiatif dasar tertumpu pada liberalisasi sistem perbankan Islam dalam negeri, meningkatkan tahap persaingan dan menggalakkan inovasi kewangan. Langkah-langkah lain ditumpukan ke arah pengukuhan dan peluasan rangka kerja perundangan bagi perbankan dan kewangan Islam. Dari segi global, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) telah menerima penyertaan yang meluas dengan mencapai kemajuan yang menggalakkan bagi memenuhi peranan yang dimandatkan. Penyebaran standard kecukupan modal dan pengurusan berisiko sedang berkembang dengan pesat dan usaha untuk mewujudkan standard urus tadbir korporat juga telah dimulakan. Terbitan berasaskan Islam terus menembusi pasaran modal antarabangsa pada tahun ini. Secara kumulatif, pembangunan ini meningkatkan peranan kewangan Islam sebagai komponen penting sistem kewangan antarabangsa.

Pada tahun ini, Bank Negara Malaysia terus memainkan peranan pembangunan lebih daripada mandat utamanya, iaitu memastikan kestabilan monetari dan kewangan. Mandat yang lebih luas ini digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan dengan mengambil pendekatan holistik dalam pembangunan dan pengurusan sistem kewangan. Sementara usaha-usaha menangani bidang yang mudah terdedah dan mengenal pasti risiko yang muncul adalah perkara penting, ia perlu dilengkapi dengan usaha-usaha membina infrastruktur kewangan. Pembinaan keinstitusian dan kapasiti adalah asas yang perlu kepada sistem kewangan. Dalam konteks sedemikian, Bank Negara Malaysia mengemudi perkembangan sektor kewangan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

26 Mac 2004